

**HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA  
MPI-PETRONAS 2018**

**KATEGORI-KATEGORI.**

**1. TOKOH WARTAWAN NEGARA.**

Dikeluarkan atas nama Malaysian Press Institute, gelaran ini dianugerahi kepada individu yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam perkembangan kewartawanan tanahair. Ia bukan sahaja melalui tulisan tetapi juga tindakan mereka.

Gelaran ini adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi dari kaum wartawan Malaysia kepada individu yang berjasa dalam bidang kewartawanan Malaysia.

Pencalonan boleh dikemukakan oleh mana-mana organisasi media massa atau pertubuhan bukan kerajaan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Pencalonan hendaklah berserta latarbelakang calon dan hujah bertulis mengenai karya/tulisan, sumbangan fikiran, jasadabakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi dan pencapaian tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Wartawan Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon tokoh wartawan negara yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon itu meninggal dunia.

**2. TOKOH MEDIA NEGARA.**

Gelaran ini adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi dari kaum wartawan Malaysia kepada individu yang berjasa yang memacu kemajuan, pembangunan dan mewarnai industri media di Malaysia.

Pencalonan boleh dikemukakan oleh mana-mana organisasi media massa atau pertubuhan bukan kerajaan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Pencalonan hendaklah berserta latarbelakang calon dan hujah bertulis mengenai karya/tulisan, sumbangan fikiran, jasadabakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi dan pencapaian tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Media Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon tokoh media negara yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon itu meninggal dunia.

**3. ANUGERAH KHAS JURI.**

Pencalonan dibuat oleh organisasi media atau pertubuhan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Anugerah ini sebagai mengiktiraf pencapaian luar biasa seorang wartawan semasa hayat kewartawanannya. Anugerah ini bukan sekadar berdasarkan berita dan rencana yang dihasilkan tetapi meliputi penghasilan karya-karya lain ada berkaitan kewartawanan dan penulisan seperti buku – fiksyen dan bukan fiksyen secara berterusan; kegiatan sebagai penceramah dalam bidang yang berkaitan dengan kewartawanan di dalam dan di luar negara; perjuangan dalam isu-isu media dan peranan dalam pertubuhan-

pertubuhan bukan kerajaan berkaitan media; atau berjaya mengharumkan nama kewartawanan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa menerusi kegiatan kewartawannya.

Anugerah Khas Juri ini juga boleh diberikan kepada organisasi media bagi mengiktiraf sumbangan/peranan luar biasa media dalam tahun berkenaan. Pengiktirafan itu bakal diberi atas nama Akhbar/Majalah Tahunan atau Newspaper/Magazine of the Year.

**4. HADIAH KAJAI.**

Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang penyertaannya dalam HKM 2018 dinilai terbaik oleh Panel Hakim (Kategori Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail dan Kewartawanan Foto & Esei Foto tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai penerima Hadiah Kajai).

**5. HADIAH WARTAWAN MUDA A. SAMAD ISMAIL.**

Anugerah ini disampaikan kepada wartawan yang berusia 30 tahun dan ke bawah. Selain menghasilkan karya berita atau rencana yang dianggap menyerlah bagi tahun berkenaan, beliau juga perlu menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan mempunyai potensi menjadi wartawan besar negara suatu hari nanti. Penyertaan juga dibuka pada wartawan TV / penyiaran.

**6. LAPORAN BERITA CEMERLANG**

Anugerah ini diberikan kepada artikel berita yang terbaik.

**7. KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG**

Anugerah ini diberikan kepada artikel yang memaparkan penyiasatan yang dianggap cemerlang.

**8. KEWARTAWANAN ANTARABANGSA CEMERLANG**

Anugerah ini diberikan kepada artikel isu luar negara yang dianggap cemerlang.

**9. PENULISAN RENCANA CEMERLANG**

Anugerah ini diberikan kepada rencana yang dianggap cemerlang.

**10. PENULISAN KOLUM/RENCANA PENGARANG CEMERLANG**

Anugerah ini diberikan kepada penulisan kolumnis atau dalam ruangan yang dianggap cemerlang.

**11. KEWARTAWANAN ALAM SEKITAR CEMERLANG-PETRONAS**

Anugerah diberi kepada artikel yang memaparkan laporan berhubung alam sekitar yang dianggap cemerlang.

## **12. LAPORAN PORTAL BERITA TERBAIK**

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam sesebuah portal berita. Laporan itu boleh berbentuk berita, komentar, ulasan, kolum, dan rencana.

## **13. KEWARTAWANAN FOTO CEMERLANG**

Foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika akan dipilih sebagai pemenang. Ia hendaklah lengkap dengan kapsyen atau keterangan gambar yang bernas.

## **14. ESEI FOTO CEMERLANG**

Hadiah ini diberi kepada jurufoto yang telah menghasilkan penceritaan berdasarkan satu siri foto atas tema yang sama.

## **15. BERITA VIDEO TERBAIK**

Terbuka kepada wartawan media penyiaran yang menghasilkan video berita. Tempoh video tidak seharusnya melebihi 10 minit dan tidak melebihi tiga siri. Selain nama wartawan, penyertaan yang dikemukakan hendaklah juga menyatakan sekali nama jurukamera yang menyediakan visual bagi laporan berita berkenaan. Tanpa maklumat itu, penyertaan tidak layak untuk dinilai. Penerbit tidak layak menyertai.

## **16. DOKUMENTARI VIDEO TERBAIK**

Terbuka kepada semua wartawan media yang menghasilkan dokumentari video. Tempoh hendaklah tidak melebihi satu jam. Dokumentari yang dikemukakan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan berkenaan, bukannya penerbit program berkenaan. Ini termasuklah bukti penulisan skrip dokumentari, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan dokumentari dari mula sampai akhir. Peranan wartawan itu hendaklah ditampikan dalam bentuk *standupper* dan menemuramah sumber. Selain nama wartawan, penyertaan yang dikemukakan hendaklah juga menyatakan sekali nama jurukamera yang membantu dalam menyediakan visual bagi dokumentari berkenaan. Tanpa maklumat itu, penyertaan tidak layak untuk dinilai. Penerbit tidak layak menyertai.

## **17. INFOGRAFIK TERBAIK**

Anugerah ini diberi kepada artis grafik yang telah menghasilkan infografik yang secara kreatif dan inovatif mengenai sesuatu isu atau topik dan berupaya mengadunkan maklumat dan grafik untuk tatapan khalayak dalam akhbar dan majalah dalam bentuk yang menarik dan memikat.

## **18. DESAIN HALAMAN PERTAMA TERBAIK**

Anugerah ini diberi kepada penyunting atau pereka grafik yang telah menghasilkan reka letak halaman pertama suratkhbar baik berbentuk *broadsheet* ataupun tabloid. Sekurang-kurangnya tiga contoh terbaik reka letak hendaklah dikemukakan bagi penilaian. Setiap organisasi berita hanya boleh menghantar tiga penyertaan daripada tiga orang penyunting atau pereka grafik yang berbeza.

#### **19. LAPORAN RADIO TERBAIK**

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam sesebuah stesen radio awam atau swasta. Laporan itu boleh berbentuk berita, komentar, ulasan, kolum, rencana. Program berbentuk wawancara tidak layak menyertai kategori ini.

#### **20. KARTUN EDITORIAL TERBAIK**

Anugerah ini terbuka kepada kartunis yang menghasilkan kartun editorial terbaik yang tersiar dalam akhbar, majalah atau portal berita. Peserta diminta mengemukakan lima contoh kartun editorial yang telah dihasilkan sepanjang tahun 2018. Setiap organisasi berita atau penerbitan hanya boleh menghantar tiga penyertaan daripada kartunis yang berasingan.

**HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA  
MPI-PETRONAS 2018**

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN**

**Syarat Umum HKM**


- 1) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang berkhidmat sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik, dan kartunis **yang bekerja sepenuh masa** dengan mana-mana organisasi media-cetak, elektronik dan media dalam talian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- 2) Stringer, wartawan sambilan, jurugambar sambilan, jurukamera sambilan, kartunis sambilan, dan pereka grafik sambilan **tidak layak menyertai** Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS ini.
- 3) Selain penyertaan langsung oleh peserta, organisasi media juga boleh mencalonkan wartawan-wartawannya yang dianggap telah menghasilkan karya kewartawanan yang cemerlang pada tahun berkenaan untuk menyertai HKM.
- 4) Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan sekali dengan bukti pembayaran dimana **ahli MPI dikenakan pembayaran sebanyak RM 100.00, manakala bukan ahli MPI dikenakan bayaran RM 200.00** .
- 5) Tiada had umur ditetapkan bagi HKM MPI-PETRONAS kecuali bagi **Hadiah Kewartawanan Muda A. Samad Ismail** yang pesertanya hendaklah berusia **30 tahun ke bawah**.
- 6) Setiap penyertaan dalam HKM ini secara **automatik dipertimbangkan untuk Hadiah Kajai**. Ini bermakna para peserta tidak perlu menghalakan penyertaan khusus untuk Hadiah Kajai.
- 7) Bahan penyertaan hendaklah **diterbitkan** dalam mana-mana **akhbar, majalah, portal berita atau program berita dan program hal ehwal semasa** televisyen organisasi media di mana peserta itu berkhidmat bagi tahun yang dinyatakan.
- 8) Karya-karya media cetak, portal berita, grafik, foto hendaklah dikemukakan dalam bentuk PDF dengan mengikut turutan, disalin ke dalam 1 salinan cakera padat (sekiranya boleh). Sila rujuk contoh susunan pada gambarajah 6.1 dan 6.2 di mukasurat 6.
- 9) Karya-karya media elektronik dan video dalam talian hendaklah dimuat ke dalam 1 salinan cakera padat.
- 10) Selain memenuhi syarat-syarat umum, penyertaan hendaklah juga mematuhi **syarat-syarat khusus** bagi setiap kategori yang disertai.
- 11) Penyertaan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarang atau wakil dengan borang yang disediakan oleh MPI.
- 12) Penyertaan untuk HKM 2018 dibuka mulai **1 Oktober 2018** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada **14 Januari 2019** bagi bahan-bahan yang diterbit sepanjang tahun 2018.
- 13) Penyertaan yang gagal mematuhi tarikh-tarikh akhir yang ditetapkan tidak layak bertanding.
- 14) Bagi karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil, peserta hendaklah **menterjemahkan** karya mereka kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

- 15) Pencalonan **Anugerah Khas Juri, Tokoh Wartawan Negara** dan **Tokoh Media Negara** boleh dibuat oleh organisasi-organisasi media, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan berkaitan media (NGO), fakulti dan pengajian kewartawanan IPTA dan IPTS.
- 16) Bagi kategori **Berita Video Cemerlang dan Dokumentari Video Cemerlang** hanya layak disertai oleh wartawan siaran yang berkhidmat dengan bilik berita stesen televisyen, portal televisyen, serta video dalam talian. Kini wartawan siaran juga boleh menyertai Hadiah Wartawan Muda A.Samad Said dengan kemukakan tiga tajuk video.
- 17) Setiap peserta boleh menyertai **dua kategori** tetapi karya bagi setiap kategori hendaklah karya yang **berasingan**. Contoh: **karya yang dihantar untuk kategori Laporan Berita Cemerlang tidak boleh digunakan untuk kategori Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang**.
- 18) Bagi setiap **satu kategori** yang disertai peserta hanya boleh menghantar **satu penyertaan** sahaja. Penyertaan maksimum dibenarkan adalah **dua penyertaan sahaja bagi dua kategori berlainan**.
- 19) Pengecualian bagi empat kategori iaitu Foto Cemerlang, Berita Video Terbaik, Dokumentari Video Terbaik, dan Laporan Radio Terbaik; dua penyertaan maksimum bagi empat kategori tersebut.
- 20) Jika pemenang lebih daripada seorang, hadiah akan diberi sama rata.
- 21) Semua penyertaan dan dokumen yang diterima akan menjadi hak milik MPI.
- 22) Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

Contoh susunan bahan-bahan penyertaan mengikut turutan yang dimuat didalam cakera padat.



Gambarajah 6.1



Gambarajah 6.2

### Syarat-syarat Khusus.

#### A. HADIAH WARTAWAN MUDA A. SAMAD ISMAIL.

\* Kategori ini juga dibuka penyertaan kepada karyawan-karyawan dari media tv / penyiaran.

- i. Peserta untuk kategori **A. Samad Ismail** mestilah berumur **30 tahun ke bawah**
- ii. Untuk media cetak, peserta perlu menyediakan **tiga (3) karya** berita atau rencana yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta sepanjang tahun itu.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada **cakera padat**.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut tertib aturan.
- v. Setiap karya **bahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.
- vi. Untuk media penyiaran TV, peserta perlu menyediakan **3 karya** sama ada berbentuk laporan ataupun dokumentari yang menonjolkan **gaya kewartawanan penyiaran atau karya-karya terbaik** dari peserta sepanjang tahun itu. Jurukamera tidak layak menyertai kategori ini.
- vii. Peserta dari media penyiaran TV hendaklah merujuk Syarat Khusus Berita Video/Dokumentari/Rencana terbaik di muka surat 9 & 10 untuk mengetahui syarat-syarat lebih lanjut.

#### B. LAPORAN BERITA CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Laporan Berita Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya berita** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada berita yang disiarkan dalam akhbar atau portal berita.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang disalin pada **cakera padat**.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya **bahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### C. KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya penyiasatan** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta bagi tahun berkenaan.
- ii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### D. KEWARTAWANAN ANTARABANGSA CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Penulisan Antarbangsa Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Karya yang dikemukakan hendaklah **asli** yang dihasilkan menerusi **liputan** dan **kunjungan** ke lokasi dimana **peristiwa antarabangsa** itu berlaku.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### E. PENULISAN RENCANA CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Penulisan Rencana Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya rencana** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### F. PENULISAN KOLUM/RUANGAN CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Penulisan Kolum/Ruangan**, peserta perlu menyediakan **3 karya** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya yang dirasakan terbaik** dari peserta.
- ii. Penyertaan ini hanya terbuka kepada kalangan yang mempunyai kolum atau ruangan tetap berkala – mingguan bagi akhbar dan bulanan bagi majalah sekiranya ia diterbitkan sebulan sekali.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### G. KEWARTAWANAN ALAM SEKITAR CEMERLANG-PETRONAS

- i. Bagi kategori **Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang-PETRONAS**, peserta perlu menyediakan **3 karya alam sekitar** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.



- iii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### H. LAPORAN PORTAL BERITA TERBAIK

- i. Bagi kategori **Laporan Portal Berita Terbaik**, peserta perlu menyediakan **3 karya** berita, komentar, ulasan, kolom, dan/atau rencana yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik dalam sesebuah portal berita** dari peserta.
- ii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.
- v. Peserta boleh juga kemukakan dalam satu fail dokumen yang berisi alamat pautan / laman web bagi setiap artikel yang diterbitkan.

#### I. FOTO CEMERLANG

- i. Peserta dibolehkan menghantar **dua penyertaan**.
- ii. Karya foto hendaklah dimuat ke dalam **satu salinan cakera padat**.
- iii. Hendaklah dimuatkan sekali **keterangan gambar** (*caption*) dan **salinan akhbar** (*pdf*).

#### J. ESEI FOTO CEMERLANG

- i. Peserta hanya boleh mengemukakan **satu penyertaan**.
- ii. Karya-karya foto hendaklah dimuat ke dalam **satu salinan cakera padat**.
- iii. Penceritaan esei foto ini hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya **lima gambar bersiri**.
- iv. Hendaklah dimuatkan sekali **keterangan gambar** (*caption*) dan **salinan akhbar** (*pdf*).

#### K. BERITA VIDEO TERBAIK

- i. Laporan berita hendaklah tidak melebihi tiga siri dan durasi keseluruhan laporan itu pula tidak melebihi sepuluh (10) minit.
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Nama jurukamera yang merakam dan menyediakan visual hendaklah dinyatakan sekali sewaktu penyertaan

dikemukakan. Penerbit tidak layak menyertai.

- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan pada **satu salinan cakera padat**.
- v. Setiap CD yang dihantar mesti memiliki **sampul/kotak cakera** padat masing-masing lengkap dengan **tajuk penyertaan** serta nyatakan durasi/tempoh.
- vi. Untuk bahan berita dokumentari dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu diletakkan sekali **sarikata** dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- vii. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhad pada **dua bahan sahaja**.

#### L. DOKUMENTARI VIDEO TERBAIK

- i. Durasi/tempoh karya dokumentari/rencana TV, hendaklah sekurang-kurangnya 15 minit, tetapi tidak melebihi 60 minit.
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Nama jurukamera yang merakam dan menyediakan visual bagi dokumentari berkenaan hendaklah dinyatakan pada borang penyertaan. Penerbit tidak layak menyertai.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan pada **satu salinan cakera padat**.
- v. Setiap CD/DVD yang dihantar mesti memiliki **sampul/kotak cakera padat** masing-masing lengkap dengan **tajuk penyertaan** serta nyatakan durasi/tempoh.
- vi. Untuk bahan berita dokumentari dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu diletakkan sekali **sarikata** dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- vii. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhad pada **dua penyertaan sahaja**.

#### M. INFOGRAFIK TERBAIK

- i. Bagi kategori **Infografik Terbaik**, peserta perlu menyediakan hanya **satu (1) karya** yang menonjolkan gambaran maklumat dalam format grafik yang direka untuk mudah difahami.
- ii. Karya hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iii. Setiap karya yang **berbahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- iv. Terjemahan karya yang **berbahasa Tamil** atau **Cina** juga perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### N. DESAIN HALAMAN PERTAMA TERBAIK

- i. Bagi kategori **Desain Halaman Pertama Terbaik**, peserta perlu menyediakan **tiga (3) rekaan** yang menonjolkan reka letak halaman pertama yang tersusun serta berjaya menarik perhatian. Terhad untuk suratkhbar sahaja.

- ii. Halaman mukasurat pertama sisipan atau suplemen tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Karya hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada cakera padat.
- iv. Setiap karya yang **berbahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- v. Terjemahan karya yang **berbahasa Tamil** atau **Cina** juga perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

#### **O. LAPORAN RADIO TERBAIK**

- i. Durasi/tempoh karya radio iaitu berita, komentar, ulasan, kolum, rencana dan wawancara, hendaklah sekurang-kurangnya 5 minit, tetapi tidak melebihi 60 minit.
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Karya hendaklah dikemukakan sebanyak **satu salinan**.
- iv. Setiap CD/DVD yang dihantar mesti memiliki **sampul/kotak cakera padat** masing-masing lengkap dengan **tajuk penyertaan** serta nyatakan durasi/tempoh.
- v. Untuk karya dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu dimuatkan sekali **skrip** dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- vi. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhad pada **dua karya sahaja**.

#### **P. KARTUN EDITORIAL TERBAIK**

- i. Bagi kategori **Kartun Editorial Terbaik**, peserta perlu menyediakan **lima (5) karya** yang menonjolkan kartun editorial yang menarik dalam membangkitkan isu-isu semasa.
- ii. Peserta hanya boleh menghantar **satu penyertaan**.
- iii. Terbuka untuk karyawan dari akhbar, majalah, dan portal berita.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuat di dalam **satu salinan cakera padat**.